

# Semangat MERDEKA pacu reformasi penjawat awam



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhirencana@bh.com.my

Timbalan Pendaftar  
Fakulti Perhutanan  
Dan Alam Sekitar,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)

Arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya langkah reformasi dirancang dalam pentadbiran awam dilaksanakan dengan segera bagi memastikan semua usaha dapat berjalan dengan lebih berkesan, perlu diberi perhatian serius seluruh warga perkhidmatan awam.

Apa diharapkan ialah perubahan signifikan secara drastik dan besar-besaran diperlukan dari segi pemikiran, cara dan budaya kerja penjawat awam. Ia termasuk rombakan terhadap

prosedur dan dasar lapuk di pelbagai agensi serta penambalbaikan pendekatan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di setiap lapisan dan organisasi.

Maka, dalam konteks ini, akronim semangat MERDEKA diperkenalkan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar boleh jadi platform terbaik memacu reformasi menyeluruh perkhidmatan awam.

Shamsul Azri berkongsi semangat MERDEKA yang mewakili 'Menumpali Taat Setia, Empati kepada rakyat, Relevan, Dedikasi, Emosi, Karismatik serta Amanali' dan malmikan seluruh jentera perkhidmatan awam bekerja berpaksikan semangat ini sepanjang masa.

Dalam hal ini, penjawat awam perlu sedar

perkhidmatan ditawarkan kepada rakyat tidak boleh statik atau ketinggalan zaman, sebaliknya perlu pantas melakukan perubahan seiring dengan tuntutan masa.

Maka, prosedur dan peraturan yang ada perlu diteliti serta ditambah baik, selain pendekatan penyampaian perkhidmatan perlu diubah suai berpaksikan empati kepada rakyat.

## Laksana tugas dengan cekap, berkesan

Setiap penjawat awam perlu ada keupayaan menyelami serta memahami perasaan, emosi dan keperluan rakyat yang memerlukan pelbagai perkhidmatan dan bantuan dengan cuba meletakkan diri kita pada tempat mereka.

Justeru, penjawat awam juga perlu memastikan diri mereka sentiasa kekal relevan dengan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran diperlukan untuk mampu melaksanakan tugas dengan cekap lagi berkesan.

Penjawat awam tidak boleh mengelak untuk menguasai teknologi baharu dan kecerdasan buatan (AI) kerana ia boleh membantu meningkatkan kecekapan, memberi impak besar kepada pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan dalam pelbagai cara.

Kesungguhan dalam melaksanakan tugas serta kesediaan mengorbankan masa dan tenaga membolehkan proses reformasi kerajaan bergerak pantas mencakupi setiap lapisan dalam organisasi.

Dalam hal ini ketua jabatan perlu memainkan

peranan memupuk semangat kerja berpasukan dan jati diri kental dalam diri setiap warga kerja supaya bekerja bersungguh-sungguh, sanggup menerima dan bertolak ansur dengan perubahan dan berani melakukan perubahan diperlukan.

Namun, sifat amanali penjawat awam akan menjadi antara kunci utama melancarkan proses reformasi perkhidmatan awam kerana tiada gunanya perancangan penambalbaikan dibuat tetapi niasih ada kelompok kecil sanggup menormalisasikan rasuah, penyelewengan dan salah guua kuasa.

Budaya ini bukan saja akan menghancurkan organisasi tetapi akan merencatkan segala inisiatif untuk memacu reformasi perkhidmatan awam secara keseluruhaninya.

Kerajaan sudah mengotakkan janji dengan bersetuju melaksanakan pelarasan gaji melalui Skim Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Skim Saran Malaysia (SSM) mulai 1 Disember ini.

Maka, sudah tiba masanya penjawat awam membalaaskan kepercayaan kerajaan dengan mengimbangi pelarasan gaji itu melalui peningkatan kualiti perkhidmatan lebih cekap dan efisien di semua peringkat dengan penuh taat setia.

Sebagai tulang belakang pentadbiran kerajaan, penjawat awam perlu terus memainkan peranan signifikan menyumbang kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat dengan segera melakukan reformasi melalui semangat MERDEKA.